



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 21 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KELANTAN TO BE HORSE INDUSTRY HUB, NATIONAL, THE SUN – 4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	JPV TERIMA 12,417 ADUAN DERA, ABAI HAIWAN, LOKAL, HARIAN METRO – 7	
3.	PENYU LIPAS CEDERA TERSANGKUT JARING, NEGERI, SINAR HARIAN – 19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	TIGA VARIETI DALAM DUA TAHUN, BISNES, HARIAN METRO - 23	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5.	BERGANDING BAHU BERSIH PANTAI, DASAR LAUT, NASIONAL, BERITA HARIAN – 19	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6.	NESTLE TEAMS UP FOR MARINE CONSERVATION, BUSINESS TIME, NEW STRAITS TIMES – 6	
7.	MB: PERAK AMONG TOP DURIAN-PRODUCING STATES IN 2024, NATION, THE STAR – 3	LAIN-LAIN
8.	ANAK NELAYAN KOMERSIALKAN TERNAKAN BELANGKAS, BISNES, SINAR HARIAN – 24	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2025	THE SUN	NATIONAL	4

Kelantan to be horse industry hub

BACHOK: The Kelantan government aims to turn the state into a hub for the horse industry to realise the developing potential of horse breeding.

State Agriculture, Agrofood Industry and Commodities Committee chairman Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail said the state government was considering the matter and is ready to work with the Veterinary Services Department to achieve the goal.

"There are many horse breeders in Kelantan. Some love breeding horses as a hobby.

"There are also various quality horse breeds," he said at a media conference after officiating at the 2025 national level Animal Welfare Day and the Horse Identification Card Registration on Saturday.

Tuan Mohd said with detailed planning and support, the effort would not only boost the livelihood of breeders, but has the potential of turning Kelantan into a new agro-tourism centre capable of attracting both foreign and local tourists.

DVS director-general Dr Akma Ngah Hamid said Kelantan had great potential to be a hub for the horse industry. – Bernama

21/7/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

7

Bachok: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menerima sebanyak 12,417 aduan berkaitan penderaan, pengabaian dan isu kebajikan haiwan sejak 2021 hingga kini.

Ketua Pengarah JPV, Dr Akma Ngah Hamid berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 249 kes direkodkan pada 2021, diikuti 1,249 kes pada 2022, 1,580 kes (2023) dan 4,133 kes (2024). Bagi tahun ini pula, sebanyak 2,533 kes diterima setakat 10 Julai lalu.

"Sehingga kini, sebanyak 1,407 lesen dikeluarkan bagi aktiviti membabitkan haiwan hidup termasuk 542 lesen untuk aktiviti julalan haiwan hidup dalam kurungan dan 865 lesen bagi penginapan haiwan hidup," katanya.

Dr Akma berkata, indi-

vidu yang didapati bersalah boleh disiasat mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

Beliau berkata, penalti bagi kesalahan individu yang gagal memenuhi keperluan kebajikan haiwan sama ada sebagai pemilik atau pemegang lesen, boleh dikenakan denda tidak kurang RM15,000 dan tidak melebihi RM75,000, atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Beliau berkata demikian selepas sambutan Hari Kebajikan Haiwan Peringkat Kebangsaan 2025 serta program Pendaftaran Kad Pengenalan Kuda di sini, kelmarin.

Sementara itu, mengu-

JPV terima 12,417 aduan dera, abai haiwan



milik Prihatin, Haiwan Terjaga' yang menekankan peranan penting pemilik haiwan dalam memastikan kebajikan haiwan sentiasa terpelihara dan tidak diabaikan.

Beliau berkata, fokus utama tahun ini adalah kepada industri kuda, khususnya di negeri Kelantan, bahawa haiwan itu bukan sekadar haiwan peliharaan atau tunggangan biasa tetapi juga merupakan haiwan kesayangan yang mempunyai nilai emosi dan simbolik tersendiri kepada pemiliknya.

PENGERUSI Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi negeri, Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail (kanan) dan Dr Akma (dua dari kanan) menunjukkan kad pengenalan haiwan.

las mengenai sambutan kata, tema sambutan program berkenaan, Dr Akma ber-ram tahun ini ialah 'Pe-

rabangsa termasuk sukan lumba kuda, endurance, polo dan equestrian.

"Namun demikian, perlu dijelaskan industri kuda tidak dikategorikan sebagai penternakan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

"Oleh itu, pengurusan dan pembangunan industri kuda memerlukan pendekatan kerjasama pelbagai pihak. Dalam hal ini, peranan JPV adalah penting khususnya dalam aspek pencegahan dan kawalan penyakit haiwan yang melibatkan kuda," katanya.

Beliau berkata, tanggungjawab itu merangkumi pelaksanaan program vaksinasi, saringan penyakit, kawalan sempadan serta pematuhan terhadap protokol kesihatan veterinar dan biosekuriti.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	19



Pemeriksaan mendapati terdapat kecederaan pada kedua-dua sirip penyu dipercayai akibat terkena jaring.

Penyu lipas cedera tersangkut jaring

Spesies terancam itu berjaya diselamatkan orang awam

Oleh MUHAMMAD AMNURALIF MOHD ZOKI
SABAK BERNAM

Seekor penyu lipas betina yang tersangkut pada jaring nelayan dan dibuang dari bot dengan keadaan sirip cedera diselamatkan berhampiran Pintu Kunci Air Sungai Besar, baru-baru ini. Pengarah Jabatan Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar, ber-

kata sepasukan pegawai dari Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam bersama Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan digerakkan ke lokasi kejadian sejurus menerima aduan berhubung kejadian itu.

"Hasil siasatan awal mendapati, penyu ini dipercayai sudah lama berada di dalam bot sebelum dibuang semula ke laut berhampiran jeti Bagan Sungai Besar oleh individu tidak dikenali.

"Orang awam yang menyedari keadaan haiwan ini segera menghubungi pihak kami dan tindakan pantas berjaya menyelamatkan nyawa spesies marin yang semakin terancam," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Noraisyah, pemeriksaan

mendapati penyu lipas ini berusia sekitar 10 tahun dengan anggaran berat 22 kilogram dan mengalami kecederaan ringan pada kedua-dua sirip akibat terkena jaring.

Katanya, pasukan penyelamat menjalankan rawatan awal termasuk membasahkan badan penyu dan memeriksa keadaannya sebelum dibawa ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Segari, Perak, untuk pemantauan lanjut.

"Penyu lipas atau nama saintifiknya *Lepidochelys olivacea* merupakan spesies jarang ditemui di perairan Selangor kerana pantainya berlumpur dan tidak sesuai untuk pendaratan semula jadi.

"Namun begitu, kawasan perairan ini tetap menjadi laluan migrasi bagi penyu dan kejadian seumpama ini menunjukkan pentingnya peranan masyarakat dalam pemuliharaan hidupan marin," katanya.

Noraisyah berkata, sehingga kini tiada sebarang rekod pendaratan penyu bertelur di negeri ini, sebaliknya biasa berlaku di Perak dan Negeri Sembilan.

Tambah beliau, tindakan membuang penyu ke laut tanpa pemantauan atau pelaporan sah bukan sahaja kejam, malah boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Perikanan 1985.

"Pihak kami akan terus menyiasat kemungkinan berlaku kecuai dalam insiden ini dan menyeru komuniti nelayan serta masyarakat umum bekerjasama dalam melindungi khazanah laut negara," katanya.



Penyu lipas yang cedera ditemukan dalam keadaan lemah selepas dibuang individu tidak bertanggungjawab.

21/7/2025

HARIAN
METRO

BISNES

23

Tiga varieti dalam dua tahun

MARDI dalam peringkat penilaian bagi beberapa durian hibrid berpotensi hasilkan klon baharu

Kuala Kangsar

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) akan mengeluarkan tiga varieti baharu durian dijangka dalam tempoh dua tahun akan datang.

Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, ketika ini pihaknya masih dalam peringkat penilaian terhadap beberapa durian hibrid yang berpotensi untuk menghasilkan klon baharu.

“Kita perlu melihat kesesuaian (penanaman) dengan tempat lain kerana

selain di MARDI Kuala Kangsar, kita ada sebahagian (penanaman durian) di Marang di Jerangau (Terengganu) yang kita cuba ketengahkan untuk varieti baharu nanti.

“Insya-Alah dalam

DR Mohamad Zabawi menunjukkan isi durian pada sesi Media Tour di Taman Agroteknologi MARDI, Kuala Kangsar.

setahun dua kita boleh dapat varieti baharu. Kod durian juga kita masih belum tentukan lagi, tunggu kita lancarkan (varieti durian baharu) dengan nama yang bersesuaian,” katanya selepas program itu.

Duriotourism MARDI Kuala Kangsar bersama media di sini kelmarin.

Sementara itu, Mohamad Zabawi berkata, durian hibrid MARDI Super 88 (MS88) akan diberikan nama baharu yang lebih menarik untuk peminat raja buah itu.

“Kita cuba tukar nama durian MS88 yang nampak komersial, sekarang ini macam-macam ada seperti Tupai King yang sebenarnya itu adalah varieti lama,” katanya.

Mohamad Zabawi berkata, sebanyak 13,000 pokok durian varieti MS88 ditanam di seluruh negara dengan dipantau sepenuhnya oleh MARDI.

“Setakat ini, ada pokok yang sudah berusia antara dua dan tiga tahun. Jadi dalam tempoh lima hingga enam tahun akan datang, ia boleh dipasarkan secara meluas,” katanya. - BER-NAMA

“Kita cuba tukar nama durian MS88 yang nampak komersial, sekarang ini macam-macam ada seperti Tupai King yang sebenarnya itu adalah varieti lama”

Dr Mohamad Zabawi



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Lebih 350 sukarelawan jayakan
Pembersihan Pantai dan Bawah Laut 2025
Nestlé Malaysia. (Foto ihsan Nestlé Malaysia)



Berganding bahu bersih pantai, dasar laut

Kuala Lumpur: Lebih 350 sukarelawan berganding bahu menerusi inisiatif Pembersihan Pantai dan Bawah Laut 2025 Nestlé Malaysia untuk membantu usaha memulihara laut dan memberi sokongan kemasyarakatan di Terengganu.

Inisiatif itu mendapat kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan komuniti nelayan tempatan di Pantai Tok Jembal dengan disertai kakitangan Nestlé, pelajar UMT serta wakil LKIM.

Agensi Penguatkuasaan

Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) turut terbahit membantu mengeluarkan pukat hantu yang tersangkut dari dasar laut.

Ia disusuli usaha membersihkan tepi pantai, membuang teritip dari bot nelayan, membaiki pondok nelayan dan mengedarkan barangan keperluan asas kepada komuniti nelayan.

Sebagai sebahagian daripada Program Sukarelawan Kakitangan Nestlé Sayang Komuniti, inisiatif itu bertujuan membaiki pulih persekitaran pantai dan mewujudkan kesedaran awam terhadap kesan

pencemaran laut, selain menyokong komuniti nelayan menerusi usaha kolaboratif serta pembabitatan bersama.

Sukarelawan Nestlé dan UMT Ocean Heroes turut membersihkan dasar laut di Pulau Bidong dengan membuang pukat hantu yang boleh merosakkan terumbu karang serta ekosistem marin.

Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia, Juan Aranols, berkata di Nestlé, pendekatan menjana nilai bersama mendorong pihaknya menjana manfaat berkekalan demi penduduk dan bumi kita.



VOLUNTEER WORK

Nestlé teams up for marine conservation

KUALA LUMPUR: Nestlé (Malaysia) Bhd has teamed up with Universiti Malaysia Terengganu (UMT), the Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) and the fishing community of Pantai Tok Jembal to implement marine conservation and community support initiatives.

Carried out under the Nestlé Sayang Komuniti Employee Volunteer Programme, the initiative focuses on rehabilitating the coastal environment and raising public awareness of the effects of ocean pollution.

The company said the effort supports fishing communities whose livelihoods rely on healthy oceans and abundant marine ecosystems, through collaboration and active community involvement.

"Alongside Pantai Tok Jembal, Nestlé volunteers and UMT's Ocean Heroes team also conducted an underwater clean-up at the nearby Pulau Bidong to remove ghost nets from the ocean floor.

"These discarded fishing nets cause boats to damage coral reefs and marine ecosystems, UMT researchers also carried out waste audits to collect data that will support long-term marine protection."

Nestlé Malaysia said more than 350 volunteers, including its em-



Volunteers from Nestlé (Malaysia) Bhd, Universiti Malaysia Terengganu and the Fisheries Development Authority of Malaysia joined forces at Pantai Tok Jembal for the 2025 Nestlé Coastal and Underwater Clean-Up initiative recently. PIC FROM NESTLÉ (MALAYSIA) BHD

ployees, students from UMT and representatives from LKIM, worked together with support from the Malaysian Maritime Enforcement Agency to carry out various conservation and community activities.

These included removing ghost nets from the seabed, cleaning the shoreline, clearing barnacles from fishing boats, repairing fishing huts, and distributing essential supplies to the local fishing community.

Nestlé Malaysia chief executive officer Juan Aranols said the company's goal of achieving plastic neutrality drives its commitment to collaborate with local stakeholders in removing plastic waste from the environment and integrating sustainable practices throughout its value chain.

"This collaboration in Terengganu with our partners and the community of Pantai Tok Jembal reflects our deep commitment to protecting natural ecosystems while supporting those whose livelihoods depend on them.

"With microplastics increasingly threatening our food systems, initiatives like this are not only vital for environmental health but also for strengthening Malaysia's food security, food safety and the long-term resilience of our coastal communities."

MB: Perak among top durian-producing states in 2024

LARUT: Perak has emerged as one of the leading durian-producing states in Malaysia, with a production volume of 59,217.3 tonnes worth RM462.28mil in 2024.

Mentri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad said the achievement contributed to the country's agri-food economy and proved Perak's capability in the durian export market.

He said durians produced in Perak were exported to more than 40 countries between 2017 and 2023, with 73% of the export value concentrated in China.

"In 2022, Malaysia's durian export value reached RM1.14bil, including RM887mil to China, yet demand for varieties such as the Musang King, Black Thorn, D24, IOI and premium durian kam-pung from Perak continues to rise.

"In addition, Topone Solution Sdn Bhd (TSSB) has successfully exported 30 containers of durians worth RM20mil in 2024, including five containers of durian kam-pung worth RM1mil, as well as



A cultural icon: Saarani (centre) serving customers who bought durians during an auction while attending the closing ceremony of the 2025 Perak State Durian Fest at Dataran Selama.

global recognition. "Malaysia's durian export value is expected to reach RM1.8bil by 2030, with an annual growth rate of between 20% and 25%, driven by advancements in logistics, frozen supply chain technology and downstream product innovation," he said.

Saarani added that the current focus is on widening access to premium durian kampong from Perak through branding strategies, quality certification and digital marketing.

"Durians from Perak are also in demand from Singapore, Hong Kong, the United States and Australia, with the price of durian kampong from Malaysia reaching RM29 per 600g, while the Musang King is sold for up to RM400 per 2.5kg.

"There are even local entrepreneurs who are aggressively introducing durian-based products like durian chocolates, durian coffee, durian cakes, instant tempoyak sambal and durian ice cream that are also being marketed to China," he said.

June last year.

"Since then, Malaysian durians have penetrated 16 key provinces in China and received an overwhelming response as a premium exotic product, with the durian kampong from Perak also gaining

He said Malaysia began exporting fresh durians to China on Aug 24, 2024, involving 413.61 tonnes (RM24.84mil), following the phytosanitary agreement between the two countries after official approval was obtained in

100 tonnes of durian kampong paste worth RM5.25mil," he said, Bernama reported.

Saarani said this at the closing ceremony of the 2025 Perak state-level Durian Fest at Dataran Selama, near here, yesterday.

Turut dieksport ke Thailand menjadikan negara itu sebagai pelanggan utama haiwan berkenaan

Anak nelayan komersialkan ternakan belangkas

Oleh NOR AZURA MD AMIN
KOTA JINGGI

Sebut sahaja daerah Kota Tinggi, pasti ramai yang terbayang kenakan hidangan laut eksotik popular iaitu belangkas mahkota. Sajian sambal pedas telur belangkas bukan sahaja mendapat tempat di hati penduduk tempatan, malah menjadi tarikan pelancong dari luar termasuk dari Singapura.


Melihat kepada permintaan tinggi terhadap belangkas, sebuah Pusat Penetasan dan Ternakan di Sedili Kecil mengambil inisiatif bukan sahaja menernak tetapi menetaskan belangkas sebelum dilepaskan semula ke laut.

Mohamad Khadi Redzuan Ahmad, 21 kini giat meneruskan perusahaannya, Ahmad Mustafa, 58 menetak dan menernak belangkas yang sudah dimulakan sejak 30 tahun lalu.

Jelas beliau, usaha dilakukan ayahnya yang juga seorang nelayan itu, kini menjadi sumber pendapatan utama keluarga.

"Selain pasaran tempatan, belangkas dari Sedili Kecil turut dieksport ke Thailand sekali gus menjadikan negara tersebut sebagai pelanggan utama haiwan berkenaan.

"Permintaan dari Thailand cu-



Belangkas mendapat permintaan tinggi peminat makanan laut.



Perairan Sedili Kecil, Kota Tinggi menjadi lokasi pembiakan belangkas.

kup tinggi. Dianggarkan hampir 48,000 belangkas dieksport ke negara berkenaan, setiap tahun.

"Belangkas yang dieksport diperoleh daripada hasil tangkapan nelayan tempatan serta yang diternak dan ditetaskan di pusat penetasan tersebut," katanya baru-baru ini.

Mohamad Khadi memberitahu, usaha pemuliharaan belangkas turut dilakukan di pusat berkenaan dengan melepaskan kembali anak belangkas ke

laut setelah mencapai usia tertentu. Menurutnya, pusat penetasan berkenaan mempunyai 10 kolam ternakan yang dijaga dengan penuh rapi.

"Kolam menggunakan air laut yang dipam terus dari muara sungai.

Belangkas ditetaskan dalam bilik khas dan akan dibesarkan selama dua tahun sebelum dilepaskan ke laut bagi tujuan pemuliharaan.

"Telur-telur diambil daripada induk betina yang dibela dan proses penetasan dilakukan secara teliti bagi memastikan kadar hidup tinggi.

"Dalam tempoh dua tahun itu, kami jaga semua aspek termasuk suhu, makanan dan kebersihan air. Makanan tak boleh terlalu banyak atau sedikit, semua perlu seimbang," jelasnya.

Dianggarkan antara 60,000 hingga 80,000 ekor anak belangkas dilepaskan ke laut setiap tahun selepas mencapai usia satu hingga dua tahun.

Dalam pada itu, Mohamad Khadi berkata memandangkan kawasan Sedili Kecil

dikenali sebagai pusat ternakan belangkas, ramai pelancong dari luar dan luar Johor datang melihat spesies hidupan laut itu.

"Kami merancang untuk membuka restoran memandangkan semakin ramai pelancong yang datang ke Sedili Kecil. Pelancong kerap bertanya sama ada kami ada menyediakan hidangan atau masakan secara terus.

"Permintaan yang meningkat ini menjadi dorongan untuk kami menyediakan tempat makan yang lebih selesa dan berkonsepkan sajian kampung," katanya.



Anak belangkas dibandingkan dengan duit syiling 50 sen.



Mohamad Khadi meneruskan usaha dilakukan ayahnya dalam penternakan belangkas di Sedili Kecil, Kota Tinggi.



Pusat Penetasan dan Ternakan di Sedili Kecil menernak dan menetaskan belangkas sebelum dilepaskan semula ke laut.